

MyEG dapat lanjutan kontrak e-kerajaan

MyEG Services Bhd (MyEG) memperoleh lanjutan tiga tahun kontrak untuk perkhidmatan e-kerajaan yang disediakannya.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia semalam, kumpulan itu berkata, Kementerian Pengangkutan (MoT) memberikan lanjutan berkenaan bermula 23 Mei 2020 hingga 22 Mei 2023.

Katanya, lanjutan itu menawarkan kepentingan terbaik buat syarikat yang diharapkan dapat memberi sumbangan positif kepada pendapatan serta aset bersih sesaham syarikat untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dan selepas itu.

“Perjanjian memformalkan lanjutan ini akan ditandatangani dan diumumkan syarikat sebaik tiba waktunya,” katanya.

Pada 23 Mei 2000, MyEG meterai perjanjian konsesi dengan kerajaan untuk melaksanakan pendaftaran elektronik kepada pemandu dan kenderaan, perkhidmatan pelesenan dan saman serta pembayaran bil utiliti (e-perkhidmatan) bagi tempoh minimum 15 tahun.

Pada 21 Mei 2020, kumpulan berkenaan menerima pemberitahuan rasmi daripada kerajaan untuk meneruskan penyediaan perkhidmatan e-kerajaan hingga 30 Jun 2020.